



66

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

National University of Malaysia

Jabatan Bendahari • Bursar's Office

Rujukan: UKM 3.1/224/8 Jld.IX
Tarikh : 24 September 2008

PEKELILING BENDAHARI BIL. 13/2008

Dekan/Pengarah/Ketua
Fakulti/Institut/Pusat/Jabatan
Universiti Kebangsaan Malaysia

YBhg. Prof./Dato'/Tuan/Puan,

PEMANTAUAN URUSAN PEROLEHAN DAN BAYARAN PEMBEKAL

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan memohon kerjasama semua ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) termasuk ketua-ketua projek penyelidikan supaya memantau Pesanan Rasmi yang belum disempurnakan oleh pembekal dan memastikan pengesahan pembayaran dibuat dengan cepat dan teratur. Pejabat ini memandang berat masalah kelewatan pembekalan barang dan penyempurnaan kerja-kerja dan perkhidmatan yang akhirnya akan menjaskan prestasi perbelanjaan keseluruhan universiti.

Semua PTJ juga diingatkan agar semua urusan penerimaan barang dan perakuan kerja-kerja dibuat dengan teliti dan mengikut peraturan. Kelewatan PTJ menyelesaikan urusan pengesahan pembayaran dan mengemukakan dokumen pembayaran telah dikenalpasti sebagai satu faktor dalam yang menyebabkan pembekal lewat menerima bayaran walaupun pembekalan dan kerja-kerja telah diselesaikan. Sehubungan itu, semua PTJ disarankan mengikuti ketetapan berikut:

- a. Membuat perakuan dan pengesahan pembekalan dalam tempoh tiga (3) hari bekerja bagi pembelian runcit di bawah RM1,000.
- b. Membuat perakuan dan pengesahan pembekalan dalam tempoh lima (5) hari bekerja bagi perolehan barang dan perkhidmatan.

.. /2



Pemenang Anugerah Kualiti Perdana Menteri 2006
Winner of Prime Minister's Quality Award 2006


Bendahari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Telefon: 03-89213000/5148 Faksimili: 03-8925 3058 Laman web: www.ukm.my/
Email: bendahari@ukmse.c.e.ukm.my

- c. Membuat perakuan dan pengesahan kerja dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja bagi perolehan kerja-kerja.

Pihak kami akan membuat pemantauan berterusan dan jika aduan kelewatan masih timbul, pihak PTJ juga perlu bertanggungjawab untuk memberi penjelasan lanjut. Pemantauan ini dilaksanakan serta merta berkuatkuasa dari tarikh surat pekeliling ini.

Sekian terima kasih.

Yang benar,


MOHD ABD RASHID MOHD FADZIL
Bendahari
Universiti Kebangsaan Malaysia

s.k: Naib Canselor, UKM

Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM.

Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM.

Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM.

Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri & Masyarakat), UKM.

Pendaftar, UKM



Pemenang Anugerah Kualiti Perdana Menteri 2006
Winner of Prime Minister's Quality Award 2006

Bendahari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Telefon: 03-89213000/5148 Faksimili: 03-8925 3058 Laman web: www.ukm.my/
Email: bendahari@pknscc.ukm.my